



TEKS UCAPAN

OLEH

YS PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON

PENGARAH

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN

**KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN PENYELAMAT DI AIR
JBPM NEGERI PERAK TAHUN 2025**

TARIKH: 12 JUN 2025 (KHAMIS), 2.30 PETANG

TEMPAT: TELUK NIPAH, PULAU PANGKOR

**Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum..Warahmatullahi..Wabarakatuh
Salam Sejahtera...Salam Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
Berprestasi Tinggi..Cepat Dan Mesra Salam Malaysia Madani dan Salam
Perak Sejahtera 2030**

Yang Berusaha Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Terima kasih kepada pembaca doa kita
yang telah mendoakan untuk kebaikan dan kesejahteraan kita semua bagi
majlis ini,

[SALUTASI – TERTAKLUK KEPADA PENGESAHAN KEHADIRAN]

Penguasa Kanan Bomba II

Umrani bin Che Mat

Penolong Pengarah Bahagian Latihan

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak

Penguasa Kanan Bomba II

Khairil Adli bin Zakaria

Ketua Zon 3 Perak

En. Mohd Hafiz Helmi bin Md Hashim

Ketua Unit Pusat Kokurikulum

Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Timbalan Penguasa Bomba II

Mohd Sufian Bin Yaakub

Advisor Pasukan Penyelamat di Air

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan

Para Jurulatih

Peserta-Peserta Kursus

Seterusnya Tuan – Tuan dan Puan – Puan yang dihormati sekalian

MUKADIMAH UCAPAN

1. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Penutupan **Kursus Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak Tahun 2025** yang diadakan di **Teluk Nipah, Pulau Pangkor** dengan jayanya.

Hadirin yang saya hormati dan muliakan,

2. Kursus ini adalah salah satu platform pembangunan kompetensi khususnya dalam bidang penyelamatan khas. Objektif utama kursus ini adalah untuk **Meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran** dalam kerja-kerja menyelamat di air mengikut standard dan prosedur yang ditetapkan sekaligus meminimumkan risiko kemalangan dalam menjalankan tugas.
3. Saya dimaklumkan bahawa **seramai 30 orang peserta** daripada 4 balai terpilih iaitu BBP Ipoh, BBP Kuala Kangsar, BBP Pulau Pangkor dan BBP Teluk Intan telah mengambil bahagian dalam kursus ini. Tahniah saya ucapkan kerana berjaya melengkapkan latihan yang mencabar ini dengan komitmen dan disiplin yang tinggi.
4. Sebagai **anggota bomba dan penyelamat**, kita tidak punya pilihan untuk gagal. Di lapangan, setiap detik adalah pertaruhan nyawa – bukan sahaja nyawa mangsa, malah nyawa kita sendiri. Itulah sebabnya kita meletakkan kepentingan latihan seperti ini pada tahap yang sangat tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

5. Seperti yang kita sedia maklum, kursus ini bukan sekadar menguji fizikal dan stamina, tetapi turut mencabar minda dan semangat. Keupayaan untuk beroperasi dalam keadaan air yang tidak menentu – kadangkala bergelap, berlumpur, berarus deras – menuntut kecekapan yang sangat tinggi serta keyakinan penuh terhadap diri dan rakan sepasukan.
6. Anggota PPDA adalah sebahagian daripada elemen **Special Operation Response Team (SORT)** yang menjadi tulang belakang dalam operasi berisiko tinggi. Kita harus sentiasa bersedia — **“bersedia dari segi ilmu, bersedia dari segi fizikal, dan bersedia dari segi hati dan jiwa”**.

7. Ingatlah, masyarakat menaruh harapan yang tinggi kepada kita. Dalam saat kecemasan, merekalah yang pertama menelefon 999 — dan kitalah yang pertama tiba, tanpa mengira siang atau malam, hujan atau ribut. Itulah erti sebenar "Sedia Menyelamat".

PENUTUP DAN PENGHARGAAN

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

8. Akhir kata, saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan** kepada jurulatih-jurulatih yang telah mencurahkan pengalaman, ilmu dan kesungguhan sepanjang tempoh kursus. Begitu juga kepada urusetia dan barisan jawatankuasa yang memastikan segala kelancaran dari awal hingga akhir majlis.
9. Jutaan **setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih** kepada **Jabatan Pendidikan Negeri Perak** yang telah **memberi keizinan kepada JBPM Negeri Perak untuk menggunakan fasiliti di Pusat Kokurikulum Pulau Pangkor**.
10. Kerjasama ini membuktikan bahawa sinergi antara agensi kerajaan mampu memperkukuh kecekapan dan kesiapsiagaan pasukan penyelamat demi kepentingan rakyat dan negara. Sumbangan ini amat bermakna dalam menjayakan kursus ini dari aspek logistik, keselesaan peserta dan keberkesanan pengendalian latihan.
11. Tahniah juga saya ucapkan kepada semua peserta kursus yang telah menunjukkan disiplin, semangat juang dan daya ketahanan yang tinggi. **Jadikan ilmu dan pengalaman ini sebagai sebahagian daripada identiti anda sebagai penyelamat air JBPM Negeri Perak**. Harapan saya agar segala kemahiran yang diperoleh tidak hanya terhenti di sini, tetapi diteruskan melalui latihan berterusan, perkongsian dalaman dan pemantapan operasi di balai masing-masing.
12. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan **Kursus Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak Tahun 2025**.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.